

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 2, NO.12, HINGGA NO.22, NO.24 HINGGA 48)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 23)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali
[Kuala Nerus]
TARIKH : 17 November 2014
SOALAN : Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah kapal kayu yang telah dilupuskan dan digantikan dengan kapal kaca fiber (FRP) di bawah Program Transformasi Nelayan.
JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Program Transformasi Nelayan yang merupakan program penghijrahan nelayan kecil-kecilan/ tradisional kepada nelayan moden dan komersial telah dimulakan pada tahun 2006 dengan penglibatan sebanyak 37 buah syarikat di seluruh Malaysia. Sehingga tahun 2014, sebanyak 28 buah bot FRP dan 8 buah bot kayu telah dibina di bawah program ini. Setelah kelulusan diberikan, pelupusan bot asal dilaksanakan melalui 'Buy-back Scheme' yang merupakan pelupusan meliputi vesel dan semua peralatan dek, pukut dan lain-lain peralatan. Sebanyak 22 buah bot telah dilupuskan pada tahun 2009 manakala 26 buah bot dilupuskan pada tahun 2012.